

07/04/2000

Ahli Umno perlu teliti pilih pemimpin

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli Umno perlu membuat pertimbangan teliti dalam memilih pemimpin untuk menduduki jawatan dalam parti pada pemilihan Mei ini kerana ia membabitkan masa depan parti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim berkata, pertimbangan perwakilan tidak seharusnya bersikap kenegerian atau dipengaruhi mana-mana pihak, sebaliknya atas kesedaran pemimpin terbabit adalah pelapis kepimpinan sekarang.

"Jangan mengambil sikap atau pendirian seperti membeli 'buah selenggok' saja. Ketika ini, ramai yang tertakluk di bawah pemimpin tertentu seperti menteri besar...mereka lebih tertakluk kepada politik naungan," katanya.

Beliau mengulas mengenai haluan pemilihan peringkat tertinggi Umno yang dijadualkan pada 10 Mei depan.

Rais berkata, pemimpin Umno pada masa depan perlu kreatif, kritikal tetapi objektif, jika ingin melihat politik Melayu terus utuh sebagai kuasa utama negara ini.

"Masa untuk dipengaruhi orang lain sudah berakhir. Ahli Umno perlu berani untuk mengubah sistem pemilihan pemimpin. Kita mesti letak kedudukan Umno sekarang di bawah 'mikroskop', untuk melihat di mana kelemahan kita selama ini sehingga dikritik begitu teruk oleh pembangkang," katanya.

Rais juga berkata, dakwaan kononnya beliau tidak setia kepada parti kerana keluar daripada Umno selepas pemilihan 1987, tidak patut dijadikan sandaran kerana kebanyakan pemimpin hari ini pernah mengkritik sistem parti itu suatu ketika dahulu.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengkritik sistem yang wujud di zamannya dan pernah dipecat oleh parti, manakala Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga pernah menyertai 'Team B'.

"Bukan saya hendak menyamakan diri saya, tetapi bagi pemimpin yang hanya akur tanpa mengeluarkan idea membina... ini bukan tempat yang wajar baginya.

"Bagi saya, walaupun keluar dan kemudian masuk semula Umno, saya tidak pernah lari dari agenda Melayu dan kerana fakta itu juga pucuk pimpinan berfikiran molek saya menjadi sebahagian daripada mereka semula," katanya.

(END)